

**AMANAT**  
**YAB PERDANA MENTERI**  
**YAB DATO' SERI ABDULLAH HAJI AHMAD BADAWI**  
**SEMPENA HARI PEKERJA, KUALA LUMPUR**  
**30 APRIL 2005**

-----

Tenaga kerja yang cemerlang adalah asas ke arah mencapai kemajuan dan pembangunan sosio-ekonomi negara. Setiap pekerja hendaklah berpegang teguh kepada prinsip kecemerlangan iaitu memiliki kemahiran, kebolehan, kecenderungan untuk berdaya saing serta keperibadian yang luhur. Ini adalah selaras dengan tema Hari Pekerja tahun ini, iaitu "Pekerja Cemerlang Negara Terbilang".

Tema ini amat bersesuaian dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan tenaga kerja yang cemerlang dari segi kebolehan, kemahiran dan sikap untuk menghadapi dunia tanpa sempadan yang semakin mencabar. Setiap pekerja perlu mempunyai pelbagai kemahiran atau multiple skills dan sedia menjalankan pelbagai tugas atau multiple tasks untuk berfungsi dalam persekitaran baru ini. Dengan mempunyai pelbagai kemahiran, pekerja dapat menyesuaikan diri dengan pelbagai jenis pekerjaan serta melakukannya dengan lebih cekap dan berkesan.

Selain itu, pekerja perlu menyesuaikan diri dengan kaedah dan persekitaran bekerja baru serta bertindak secara lebih inovatif dan produktif. Dalam keadaan demikian, pembelajaran sepanjang hayat atau lifelong learning harus menjadi sebahagian daripada matlamat hidup pekerja agar tidak ketinggalan. Pekerja juga perlu sentiasa menambah nilai atau value add pada dirinya agar terus relevan dan berdaya maju.

Kerajaan amat menghargai akan sokongan dan kerjasama padu yang diberikan oleh pihak pekerja dan juga majikan. Persefahaman, kerjasama dan hubungan baik yang terjalin antara kerajaan dengan Kesatuan Pekerja dan Kesatuan Majikan melalui hubungan tripartit telah menghasilkan hubungan perusahaan yang harmoni yang amat membanggakan. Kerajaan ingin merakamkan penghargaan kepada pemimpin-pemimpin kesatuan yang telah bekerjasama dalam menyelesaikan pelbagai masalah melalui rundingan dan mengelakkan tindakan yang boleh merugikan semua pihak.

Akhir kata, saya ucapkan tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Hari Pekerja tahun ini.

Dikeluarkan oleh:  
Pejabat Perdana Menteri  
Bangunan Perdana Putra  
Putrajaya  
30 April 2004